

Negara Islam (p) wajar berani bersaing

20 OCT 1991

Harare: Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, memberi penghormatan oleh Institut Kebudayaan Islam Zimbabwe untuk menjadi pemimpin pertama berucap di majlis meraikan ketua-ketua kerajaan Komanwel yang beragama Islam di sini, kelmarin.

Majlis itu yang diadakan selepas sembahyang Jumaat di Masjid utama Ridge View di sini, turut dihadiri Presiden Gambia, Sir Dawda Jawara, Perdana Menteri Pakistan, Nawaz Sharif dan Menteri Luar Brunei, Pengiran Jefri Bolkiah. Sir Jawara dan Nawaz juga berucap di majlis itu.

Dalam ucapannya di hadapan 300 orang di perhimpunan itu, Datuk Seri Dr Mahathir, berkata masyarakat Islam di seluruh dunia perlu mempersiapkan diri dengan pelbagai perubahan.

"Mereka harus berani bersaing dengan orang lain dan memastikan negara mereka diperintah dengan baik," katanya.

Di majlis itu, Perdana Menteri bagi pihak Kerajaan Malaysia menyerahkan sumbangan A S \$20,000 (M\$54,000) kepada Pengerusi Institut Kebudayaan Islam Zimbabwe, Hakim Ahmed Ibrahim, untuk melaksanakan pelbagai kegiatannya dan membantu memperbaiki beberapa masjid di sekitar Harare.